

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO. 4/4 - 1553/07

ANTARA

RAJA NURULADZHA AIM BINTI RAJA MUKHTARUDDIN

DAN

SCOPE INTERNATIONAL (M) SDN. BHD.

AWARD NO: 2525 TAHUN 2007

- Di hadapan** : **PUAN AMELIA TEE HONG GEOK BT. ABDULLAH
- PENGERUSI** (Bersidang Berseorangan)
- Tempat** : Mahkamah Perusahaan
Jalan Mahkamah Persekutuan
Kuala Lumpur.
- Tarikh Rujukan** : 30.5.2007.
- Tarikh Sebutan** : 28.8.2007, 27.9.2007, 26.10.2007, 14.12.2007.
- Perwakilan** : Encik David Peter dari Tetuan Jerald Gomez & Associates, peguam mewakili Pihak Menuntut.

Encik Wong Kian Jun dari Tetuan Shearn Delamore & Co., peguam mewakili Syarikat.
- Rujukan** :

Ini adalah satu rujukan di bawah seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 berkenaan dengan pembuangan kerja **RAJA NURULADZHA AINI BINTI RAJA MUKHTARUDDIN** (“Pihak Menuntut”) oleh **SCOPE INTERNATIONAL (M) SDN. BHD.** (“Syarikat”).

AWARD

1. Pertikaian mengenai penamatkan kerja Raja Nuruladzha Aini binti Raja Mukhtaruddin (“Pihak Menuntut”) oleh Scope International (M) Sdn. Bhd. (“Syarikat”) pada 16.10.2006 telah dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia ke Mahkamah Perusahaan untuk satu keputusan dan telah diterima oleh Mahkamah pada 17.7.2007.
2. Kes ini telah disebut beberapa kali bagi membolehkan kedua-dua pihak berunding, demi untuk mencari penyelesaian damai.
3. Kes telah dipanggil untuk sebutan pada 14.12.2007 dengan kehadiran Encik David Peter dari Tetuan Jerald Gomez & Associates yang mewakili Pihak Menuntut dan Encik Wong Kian Jun dari Tetuan Shearn Delamore & Co. yang mewakili Syarikat.
4. Mahkamah telah dimaklum oleh Encik David Peter bahawa kedua-dua pihak telah berjaya menyelesaikan pertikaian ini secara damai dan beliau pohon untuk menarik balik kes ini tanpa sebarang kebebasan. Pihak Menuntut yang turut hadir telah mengesahkan pencapaian penyelesaian dan hasrat beliau untuk menarik balik kes.

5. Memandangkan hal keadaan seperti tersebut di atas di mana kedua-dua pihak telah menyelesaikan pertikaian secara damai dan Pihak Menuntut memohon untuk menarik balik kes beliau, maka Mahkamah dengan ini membuat perintah supaya kes ini dibatalkan tanpa sebarang kebebasan untuk memohon menghidupkan kes semula.

DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH 14^{HB} DISEMBER 2007

(AMELIA TEE HONG GEOK)
PENGERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN